

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kehalusan dan kesenian dekorasi barangan meja *bone china* seperti set cawan (*tea set*) dan set pinggan mangkuk (*dinner set*) adalah faktor utama ia diminati sebagai koleksi peribadi bagi kaum wanita. Bahkan mereka sanggup menghabiskan ribuan ringgit semata-mata untuk memiliki barangan meja *bone china* bagi kegunaan harian. Bukan itu sahaja, barangan ini turut menjadi simbolik kekayaan dan kemewahan yang dipamerkan di ruang kediaman di samping menjadi barangan cenderahati terutamanya kepada para pelancong tempatan dan luar negara.

Istilah *bone china* terkenal dalam kalangan penggemar-penggemar barangan ini. Keunikan *bone china* mencirikan sifat-sifat klasik dan tradisional masyarakat Eropah. Kepelbagaian corak, warna dan reka bentuk yang kreatif nyata menjadi daya tarikan terhadap golongan wanita untuk memilikinya. *Bone china* terbentuk daripada campuran bahan-bahan seperti abu tulang haiwan (*bone ash*), *kaolin (china clay)* dan *Cornish stone* (batu Cornwall). Bahkan, turut diguna pakai dalam penghasilannya adalah abu tulang babi yang jelas diharamkan oleh syarak.

Menelusuri permasalahan ini, penulis mengharapkan kajian ini mampu memberikan penjelasan dan huraian terhadap hukum penggunaan *bone china* dalam konteks fiqh kepenggunaan Islam. Bab ini membincangkan latar belakang kajian, masalah kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, kajian literatur, metodologi kajian dan penutup bab pertama.

1.2 Latar Belakang Masalah

Perusahaan seramik amat popular dan tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Seramik mempunyai pelbagai bentuk, corak, simbol dan fungsi yang menonjolkan kehalusan budaya masyarakat Melayu. Ia sesuai digunakan sebagai barangan meja seperti set cawan (*tea set*) dan set pinggan mangkuk (*dinner set*). Selain itu, ia juga sesuai dijadikan tempat menyimpan barang kemas dan perhiasan dalam kalangan wanita. Sehingga kini, sekalipun arus pemodenan kian meningkat namun penggunaan seramik kian mendapat sambutan. Bahkan semakin meluas di negara kita.

Pada abad ke 15 masihi, rantau Melayu telah menjalinkan hubungan perdagangan eksport seramik di negara China. Hubungan diplomatik ini telah mewujudkan kepelbagaian kesenian dan kebudayaan dalam masyarakat Melayu.¹ Sepertimana yang diketahui, negara China merupakan sebuah negara induk bagi porselin. Hal ini tidak dapat dinafikan kerana tamadun China merupakan salah satu tamadun awal yang teragung di dunia. Seramik China telah berkembang menjadi perdagangan pada awal abad selepas masihi. Malah, perdagangannya meluas ke Asia

¹ Othman bin Mohd. Yatim (1981), *Tembikar China Berunsur Islam Dalam Koleksi Muzium Negara*. Kuala Lumpur: Muzium Negara Jabatan Muzium, h. 1.

Tenggara, Timur Tengah, Timur Jauh, Timur Dekat dan Afrika Selatan.² Keunggulan negara China sebagai pengeluar dan pengeksport seramik dicabar oleh negara luar. Perusahaan ini kemudiannya diambil alih oleh pembuat-pembuat dan pengeksport seramik di Eropah.³

Keunggulan Eropah sebagai pengeluar dan pengeksport seramik dibuktikan dengan penemuan terbaru iaitu *bone china* atau *fine bone china*. Seramik dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu tembikar tanah (*earthenware*), tembikar batu (*stoneware*) dan porselin (*porcelain*). *Bone china* merupakan barangan meja porselin Inggeris yang dikategorikan mahal dan klasik. Penghasilan *bone china* mula berkembang pada abad ke-18⁴ di England.⁵ Josiah Spode merupakan pencipta pertama yang menemui campuran bahan yang paling sesuai untuk pembuatan *bone china*. Bahkan campuran tersebut melibatkan penggunaan abu tulang, *kaolin* dan *Cornish stone*.⁶ Selain itu, ia juga dilengkapi dengan ciri-ciri yang menarik seperti berwarna lebih putih (*increasing the whiteness*), sangat lut cahaya (*translucency*), ringan, lebih kuat dan sebagainya.

Proses pembuatan *bone china* membabitkan penggunaan abu tulang binatang yang telah dibakar pada kadar suhu yang tinggi sebelum ia dihancurkan dan seterusnya dicampurkan dengan adunan yang lain. Persoalannya, adakah abu tulang yang dimaksudkan diambil daripada tulang babi? Babi atau khinzir jelas diharamkan dalam

² *Ibid.*, h. 2.

³ *Ibid.*, h. 4.

⁴ Wolf Mankowitz dan Reginald G. Haggard (1968), *The Concise Encyclopedia Of English Pottery And Porcelain*. c.2. London: Andre Deutsch Ltd., h. 27.

⁵ A.J.Dule (1964), *Modern Ceramic Practice*. London: Maclaren & Sons Ltd., h. 293.

⁶ *Ibid.*

Islam. Islam menghalalkan perkara-perkara baik dan bermanfaat kepada manusia. Malah, Islam juga mengharamkan perkara-perkara buruk serta membawa kemudharatan kepada manusia. Menurut Dr. Ali al-Bar, penternakan babi giat dilakukan secara saintifik pada kurun ke-18⁷ walaupun mereka mengetahui penggunaan binatang najis ini nyata memudharatkan serta meninggalkan kesan buruk kepada manusia. Selain itu, produk-produk barangan kepenggunaan yang dihasilkan berasaskan haiwan banyak menimbulkan keraguan. Hal ini kerana status halal atau haram sesuatu produk bergantung kepada cara penyembelihan dan jenis binatang yang disembelih, sama ada kedua-duanya mengikut kehendak syarak ataupun sebaliknya.⁸

Berkenaan isu ini, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menerima banyak aduan terhadap penggunaan *bone china* yang digunakan secara meluas oleh masyarakat awam, dan di hotel-hotel terkemuka khususnya. Berikut merupakan salah satu aduan yang telah diambil dari laman web Portal Rasmi Halal Malaysia:⁹

“Aduan: Saya inginkan kepastian mengenai produk pinggan Mangkuk Jenama Vintage, yang dibawahnya ada tertulis 'Fine Bone china' adakah selamat/boleh digunakan? Saya telahpun membelinya dan terperasan dibawahnya ada tertulis 'Fine Bone china'. Harap jawab segera kerana saya dalam keadaan was-was sekarang.

Tarikh Aduan: 18/01/2007 - 12:56:06

Jawapan: Terima kasih kepada saudari yang bertanya. 1. Sehingga kini, JAKIM tidak dapat memberi kepastian mengenai kehalalan pinggan mangkuk bone china kerana itu adalah produk import.

⁷ Basri Ibrahim (1999), *Bukti Saintifik Pengharaman Khinzir*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, h. 4.

⁸ Anisah Ab. Ghani (2004), “*Istihalah* Dalam Pemakanan dan Barang Kepenggunaan” (Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004, 15 -16 Disember 2004, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), h. 133.

⁹ Portal Rasmi Halal Malaysia, http://www.halal.gov.my/v2/index.php?ty=aduan/aduan_siar, 6 Jun 2010.

Skop pensijilan halal JAKIM sebelum ini adalah berkenaan dengan produk, premis makanan dan rumah sembelih, namun sekarang JAKIM sedang mengembangkan pensijilan halal kepada skop yang lebih luas termasuk barang gunaan. 2. Memandangkan terdapat keraguan terhadap bahan yang digunakan dalam pembuatan pinggan mangkuk tersebut dan menimbulkan was-was, maka lebih baik dielakkan pembelian dan penggunaannya. Sekian terima kasih.”

Berdasarkan jawapan aduan tersebut, jelas menunjukkan pihak JAKIM masih belum mampu memberikan jawapan yang pasti terhadap isu ini. Tiada jawapan yang kukuh untuk menjawab persoalan yang dikemukakan oleh masyarakat. Rentetan daripada permasalahan tersebut, maka timbulnya persoalan dan idea kepada penulis untuk menjalankan kajian terhadap isu ini. Kajian ini penting untuk menjawab persoalan yang membelenggu dalam sosio masyarakat Islam yang amat peka dan sensitif terhadap barangan kepenggunaan Islam.

Oleh yang demikian, kajian ini akan membincangkan sejarah pembuatan *bone china* dan proses-proses pembuatannya sekaligus mengkaji dan meneliti hukumnya. Selain itu, penulis juga mengupas beberapa isu yang timbul berkaitan *bone china* serta perbahasan Islam dalam menyelesaikan isu ini.

1.3 Permasalahan Kajian

Bone china merupakan produk barangan meja yang popular dalam kalangan penggemar-penggemar barangan porselin Inggeris. Proses pembuatannya agak rumit kerana 50% kandungan bahannya terdiri daripada abu tulang haiwan. JAKIM masih belum memutuskan pandangan hukum terhadap isu ini memandangkan skop pensijilan

halal terhadap kepada premis makanan dan rumah sembelihan.¹⁰ Justeru itu, pengkajian terhadap *bone china* perlu diperincikan.

Sepertimana yang dinyatakan di atas, pihak JAKIM masih belum memutuskan pandangan hukum mengenai isu *bone china*. Walau bagaimanapun, pihak JAKIM menasihati kepada pengguna-pengguna Islam agar mengelakkan penggunaan pinggan mangkuk *bone china* sekiranya menimbulkan rasa syak.¹¹ Berdasarkan penjelasan ini, isu penggunaan *bone china* dalam kalangan masyarakat Islam masih tidak selesai dan perlu dibahaskan dalam kerangka fiqh. Malah, fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh JAKIM, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) dan Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam perlu dianalisis secara kritis.

Tambahan lagi, *Berita Harian* telah mengeluarkan kenyataan kepada pengguna-pengguna Islam agar berwaspada terhadap pembelian pinggan mangkuk *bone china* yang mengandungi campuran abu tulang haiwan, termasuk abu tulang babi.¹² Berdasarkan kenyataan ini, kandungan bahan yang digunakan dalam pembuatan *bone china* perlu diselidiki kesahihannya terlebih dahulu, kerana pada asasnya *bone china* dihasilkan daripada campuran abu tulang lembu. Tulang-tulang lembu ini didapati daripada gudang-gudang penyembelihan haiwan.¹³ Justeru, kajian ini membincangkan dua isu utama iaitu hukum penggunaan tulang babi dan tulang lembu dalam *bone china*.

¹⁰ Portal Rasmi Halal Malaysia, <http://www.halal.gov.my/v2/>, 15 Januari 2011.

¹¹ *Ibid.*

¹² *Berita Harian*, Oktober 4, 2009: 2 “Waspada Dengan Pinggan Jenama “BONE CHINA”.

¹³ A.J. Dale (1964), *Modern Ceramic Practice*. London: Maclaren & Sons Ltd., h. 296.

Isu-isu yang timbul dalam penggunaan *bone china* menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengguna-pengguna Islam. Oleh itu, beberapa masalah kajian dapat dirumuskan oleh penulis seperti yang berikut:

1. Apakah yang dimaksudkan dengan *bone china* dan bagaimanakah proses-proses pembuatan *bone china* dilakukan?
2. Apakah metodologi hukum yang sesuai digunakan dalam penentuan hukum *bone china*?
3. Bagaimanakah Islam menyelesaikan isu-isu yang timbul berkaitan *bone china* dan perbahasannya menurut perpektif Islam?

1.4 Objektif Kajian

Berikut merupakan objektif kajian yang dilakukan oleh penulis:

1. Menghuraikan konsep *bone china* dan proses pembuatan *bone china* secara terperinci.
2. Menentukan kaedah-kaedah syarak yang bersesuaian dalam menentukan hukum penggunaan *bone china*.
3. Merumuskan hukum yang bersesuaian terhadap penggunaan *bone china* berasaskan kepada prinsip-prinsip hukum syarak.

1.5 Kepentingan Kajian

Penulis mendapati bahawa penulisan terhadap isu *bone china* amat menarik dilakukan memandangkan isu ini melibatkan barangan kepenggunaan Islam. Kajian ini amat penting dalam menganalisis hukum terhadap penggunaan *bone china* berdasarkan prinsip-prinsip syarak dan kaedah-kaedah fiqh yang sesuai melalui sumber-sumber yang utama dan muktabar.

Kajian ini dilakukan dengan harapan agar pihak kerajaan prihatin dan seterusnya memberikan perhatian kepada pihak kerajaan dengan mengambil beberapa tindakan yang sewajarnya seperti melabel barangan yang diragui status halal dan memaklumkan kepada para pengguna mengenainya kerana ia berkait rapat dengan nilai keagamaan dan barangan penggunaan masyarakat Islam. Bukan itu sahaja, bahkan penulis dapat menyumbangkan idea-idea dalam pertarjihan hukum terhadap *bone china* sebagai melengkapkan lagi kajian yang telah dilakukan oleh pihak JAKIM.

Pengkajian terhadap *bone china* juga menjadi garis panduan serta menjawab persoalan yang masih membelenggu fikiran masyarakat Islam. Kajian ini memfokuskan proses pembuatan dan kandungan bahan yang digunakan dalam *bone china* serta menganalisis hukum *bone china* dalam perspektif hukum Islam. Penulis mengharapkan kajian ini mampu memberikan manfaat dan impak yang positif kepada penulis dan masyarakat Islam khususnya.

1.6 Skop Kajian

Penulis memfokuskan skop kajian kepada tiga bahagian yang utama, iaitu sejarah pembuatan *bone china*, analisis hukum terhadap *bone china* dan isu-isu yang timbul berkaitan *bone china*. Hal ini amat bertepatan dengan tajuk kajian penulis iaitu “Penggunaan *Bone China* Menurut Perspektif Syarak”.

Skop kajian pertama, penulis menumpukan penulisan terhadap sejarah perkembangan *bone china*, ia merangkumi sejarah pembuatan *bone china*, latar belakang pelopor *bone china* dan proses-proses pembuatan *bone china* di England. Skop kajian kedua, penulis memfokuskan analisis hukum terhadap *bone china* melalui kerangka metodologi fiqh dan usul fiqh secara terperinci. Seterusnya, skop kajian yang ketiga penulis mengeluarkan dua isu yang utama dalam *bone china* dan perbahasannya menurut perspektif Islam.

1.7 Kajian Literatur

Bone china merupakan isu yang hangat dibincangkan. Justeru, penulis membuat kajian literatur melalui buku-buku ilmiah, artikel-artikel jurnal, buletin dan sebagainya. Penulis telah membahagikan kepada dua bahagian utama iaitu sejarah perkembangan *bone china* dan analisis penentuan hukum *bone china*.

1.7.1 Sejarah Perkembangan *Bone China*

Kajian yang dilakukan oleh George Savage,¹⁴ Glenn C.Nelson & Richard Burkett,¹⁵ W.Pitcairb Knowles,¹⁶ Reginald Haggard & Elizabeth Adams,¹⁷ Daniel Rhodes¹⁸ dan Hugh Tait¹⁹ membicarakan sejarah perkembangan porselin di Eropah. Hasil dapatan kajian membuktikan negara China merupakan negara terawal mempelopori pembuatan porselin yang melibatkan penggunaan pes keras (*hard paste*) dan pes lembut (*soft paste*) dan menjalankan hubungan perdagangan dengan Eropah. Hal ini mewujudkan senario atau budaya penggunaan porselin yang popular di Eropah, namun disebabkan harganya yang mahal menyebabkan hanya golongan kaya yang mampu memilikinya. Akhirnya, Eropah berusaha untuk menghasilkan porselin setanding porselin di negara China sehingga mendorong penubuhan lebih banyak syarikat di Eropah seperti Sevres, Staffordshire dan sebagainya. Kemuncaknya, Eropah berjaya menghasilkan porselin *bone china* yang sangat bermutu tinggi dan berkualiti. Walau bagaimanapun, kajian-kajian di atas tidak membicarakan sejarah *bone china* dan pembuatannya, bahkan lebih memfokuskan sejarah pembuatan porselin terutamanya di China.

Kajian yang dilakukan oleh Rachael Geild,²⁰ Felix Singer & Sonja S. Singer,²¹ A.J.Dale,²² F.H.Norton,²³ P.William Lee,²⁴ Ernst Rosenthal,²⁵ Shasha Wardell²⁶ dan

¹⁴ George Savage (1954), *Porcelain Through The Ages*. Harmondsworth: Penguin Books Ltd.

¹⁵ Glenn C.Nelson dan Richard Burkett (2002), *Ceramics A Potter's Handbook*. c.6. Singapore: Wadsworth Thomson Learning.

¹⁶ W. Pitcairb Knowles (t.t), *Dutch Pottery And Porcelain*. London: George Newness Limited.

¹⁷ Reginald Haggard dan Elizabeth Adams Mason (1977), *Porcelain And Ironstone 1796-1853 Miles Mason And The Mason Manufactories*. London: Faber And Faber Limited.

¹⁸ Daniel Rhodes (1959), *Stoneware & Porcelain The Art Of High-Fired Pottery*. S. Africa: Pitman Publishing Company S.A. Ltd.

¹⁹ Hugh Tait (1972), *Porcelain*. c. 5. London: The Hamlyn Publishing Group Limited.

²⁰ Rachael Geild (2001), *Collector's Guide To Buying Antique Pottery And Porcelain*. c.2. London: Greenwich Editions.

²¹ Felix Singer dan Sonja S. (1963), *Industrial Ceramics*. London: Chapman & Hall Ltd.

²² A. J. Dale (1964), *op.cit.*.

W.P.Jervis²⁷ mengupas sejarah dan pembuatan *bone china*. Kajian berkenaan membincangkan sejarah ringkas *bone china* yang diperkenalkan oleh Josiah Spode pada tahun 1805 serta menghuraikan proses-proses pembuatan *bone china*. *Bone china* pada asalnya diperbuat daripada abu tulang lembu kerana ia paling sesuai digunakan dalam pembuatan *bone china*. Penghasilan produk *bone china* melibatkan enam proses yang utama iaitu penyediaan bahan yang terdiri daripada abu tulang, *kaolin* dan *Cornish stone*, proses percampuran bahan melalui *ball milling*, *blunging* dan *filter pressing*, proses pembentukan melalui *slipcasting*, *jelleving* dan *jiggering*, proses pembakaran memerlukan tiga kali pembakaran iaitu *biscuit firing*, *glost firing* dan *enamel firing*, proses licau (*glazing*), proses penghiasan dan proses pemilihan produk serta pemasaran. Kajian-kajian ini penting kepada penulis dalam memperoleh data-data sejarah dan teknik-teknik yang digunakan dalam penghasilan produk *bone china*.

Kajian yang telah dilakukan Prudence M. Rice,²⁸ John B. Kenny,²⁹ Dora M. Billington,³⁰ Jan Hlavac,³¹ Kee Ming-Yuet,³² David Hamilton,³³ Susan Bruce,³⁴ Susan Petersen dan Jan Peterson³⁵ membincangkan proses-proses pembuatan seramik yang

²³ F.H.Norton (1970), *Fine Ceramics Technology And Applications*. New York: Mc Graw Hill Book Company.

²⁴ P. William Lee (1974), *Ceramics*. New York: Reinhold Publishing Corporation.

²⁵ Ernst Rosenthal (1954), *Pottery & Ceramics From Common Brick To Fine China*. c.3. Melbourne: Penguin Books.

²⁶ Sasha Wardell (2007), *Slipcasting*. c.2. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.

²⁷ W.P.Jervis (1896), *European China*. New York: Century House Watkins Glen.

²⁸ Prudence M. Rice (1987), *Pottery Analysis A Sourcebook*. Chicago: The University Of Chicago Press.

²⁹ John B. Kenny (1949), *The Complete Book Of Pottery Making*. New York: Chilton Company.

³⁰ Dora M. Billington (1962), *The Technique Of Pottery*. London: B.T.Batsford Ltd.

³¹ Jan Hlavac (1983), *The Technology Of Glass And Ceramics*. New York: Elsevier Scientific Publishing Company.

³² Kee Ming Yuet (2004), *Straits Chinese Porcelain*. Kuala Lumpur: Kee Ming Yuet Sdn Bhd.

³³ David Hamilton (1974), *The Thames And Hudson Manual Of Pottery And Ceramics*. London: Thames And Hudson Ltd.

³⁴ Susan Bruce (2000), *The Art Of Handbuilt Ceramics*. Marlborough: The Crowood Press Ltd.

³⁵ Susan Petersen dan Jan Peterson (2003), *The Craft And Art Of Clay A Complete Potter's Handbooks*. c.4. London: Laurance King Publishing Ltd.

terdiri daripada tembikar tanah (*earthenware*) dan tembikar batu (*stoneware*). Kajian ini mengkhususkan perbincangan terhadap proses-proses pembuatan tembikar tanah (*earthenware*) dan tembikar batu (*stoneware*). Proses pembuatan ini bermula dengan proses penyediaan bahan, proses pencampuran bahan, proses penghiasan, proses licau dan proses pemasaran. Proses ini melibatkan teknik-teknik pembentukan tembikar secara manual kerana sifat asal tembikar tanah sangat plastik (*plasticity*) dan mudah dibentuk, disebabkan penggunaan tanah liat dalam kuantiti banyak digunakan. Ia amat berbeza dengan kandungan bahan *bone china* yang sangat lembut dan sukar untuk dibentuk secara manual kerana kurang plastik (*plasticity*), kesan daripada penggunaan kaolin dalam kuantiti yang kecil iaitu sebanyak 25% sahaja. Namun begitu, tiada perbincangan khusus yang mengaitkan proses-proses pembuatan *bone china* dalam kajian ini.

Penulis juga merujuk kertas kerja persidangan yang ditulis oleh Radzali Othman dalam *Seramik '89*³⁶ dan *Rumusan Bengkel Teknologi Pembuatan Plastik dan Seramik*.³⁷ Tumpuan kajian artikel-artikel ini menjelaskan proses pembuatan seramik di Malaysia dan kegunaan seramik dalam bidang perindustrian di Malaysia.

1.7.2 Analisis Penentuan Hukum *Bone China*

Penulis memulakan tinjauan literatur dalam menganalisis hukum terhadap penggunaan *bone china* dari perspektif hukum Islam melalui penelitian terhadap buku-buku

³⁶ Radzali Othman (1989), “Seramik '89” (Proceeding Of The First National Seminar On Ceramic Technology, 21-23 February, Universiti Sains Malaysia)

³⁷ (t.n) “Rumusan Bengkel Teknologi Pembuatan Plastic Dan Seramik” (22-25 Julai 1986, Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia, Shah Alam, Selangor)

berbahasa Arab *turāth* dan kontemporari, buku-buku Melayu, artikel-artikel jurnal, dan kertas kerja persidangan.

Penulis memulakan tinjauan rujukan dalam bab *al-dhabā'ih* dan bab *al-najāsah*. Kajian yang dilakukan oleh al-Qurtubī, Yūsuf al-Qaraḍawī,³⁸ al-Shāfi'ī,³⁹ `Abd Allāh Ibn Qudāmah,⁴⁰ `Abd al-Karīm al-Jāziri,⁴¹ Bahā' al-Dīn `Abd al-Raḥmān b. Ibrāhīm,⁴² al-Nawāwī dan Ibn Qayyim al-Jawziyyah.⁴³ Dalam bab *al-dhabā'ih*, perbincangan fuqaha memfokuskan syarat-syarat sah sembelihan di dalam Islam. Dapatan kajian mendapati bahawa sembelihan haiwan hanya sah sekiranya memenuhi tiga syarat utama iaitu syarat-syarat penyembelih, syarat-syarat haiwan sembelihan dan syarat-syarat alat sembelihan. Implikasi terhadap sembelihan haiwan akan menghalalkan pengambilan daging dan menyucikan penggunaan bahagian-bahagian haiwan yang disembelih untuk digunakan dalam pelbagai keperluan masyarakat Islam. Sebaliknya, babi dan anjing dikategorikan sebagai najis berat (*mughallaḥah*). Oleh itu, penggunaan bahagian-bahagian babi seperti tulang, kulit, usus dan sebagainya adalah haram dalam Islam.

Penulis turut melakukan tinjauan literatur dalam bab *al-āniyah*. Kajian yang dilakukan oleh `Alī Ibn Jawād al-Ḥusaynī al-Khāminī,⁴⁴ Shihāb al-Dīn Abī al-`Abbās

³⁸ Yūsuf al-Qaraḍawī (1978), *al-Halāl wa al-Ḥarām fī al-Islām*. Muammal Hamidy (terj.), Surabaya: P.T. Bina Ilmu.

³⁹ Abū `Abd Allāh Muḥammad b. Idrīs al-Shāfi'ī (2002), *al-Umm*. j.2, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.

⁴⁰ `Abd Allāh b. Qudāmah (2001), *al-Kāfi fī Fiqh al-Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal*. j.1, Beirut: Dār al-Kutub.

⁴¹ Najm al-Dīn Abī al-Sa`ādāt al-Mubārak b. Muḥammad b. Muḥammad `Abd al-Karīm al-Jāziri (2008), *al-Shāfi'ī fī Sharḥ Musnad al-Shāfi'ī*. j.1, Miṣr: Dār Kalimah li al-Nashr wa al-Tawziyyah.

⁴² Baha al-Dīn `Abd al-Raḥmān b. Ibrāhīm (2005), *al-Uddah Sharḥ al-Uddah fī Fiqh Imām al-Sunnah Aḥmad Ibn Ḥanbal al-Shaybānī*. Jamī' Al-Azhār: Abū Bakar Al-Ṣiddīq.

⁴³ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (2000), *Jamī' al-Fiqh*. j.1, Manṣuroh: Dār al-Wafā' li al-Ṭibā`ah wa An-Nashr wa Tawzi'.

⁴⁴ `Alī b. Jawād al-Ḥusaynī al-Khāminī (1999), *Aḥwābut al-Istiftā'āt*, j.1, Beirut: Dār al-Islāmiyyah.

Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Muḥammad Ibn `Alī Ibn Hajar al-Ḥaytamī,⁴⁵ Muḥammad Ibn Ṣāliḥ al-Uthaymin⁴⁶ dan lain-lain. Bab *al-āniyah* mengupas pandangan-pandangan ulama silam serta dalil-dalil yang mengharamkan penggunaan bejana emas dan perak, tetapi mengharuskan penggunaan bejana selain emas dan perak. Manakala, ulama *khilāf* terhadap penggunaan bejana kulit dan bejana tulang. Dapatan kajian mendapati bahawa ulama silam lebih ketat dalam menyatakan hukum, pandangan dan hujah. Manakala, ulama kontemporari lebih fleksibel dan mengikut realiti semasa sesuai dengan kehendak dan keperluan masyarakat. Namun demikian, ulama silam dan kontemporari tidak membincangkan hukum penggunaan *bone china* kerana ia merupakan isu baru dalam penggunaan bejana moden.

Seterusnya, penulis turut membuat sorotan literatur terhadap pengkajian babi dari perspektif sains dan Islam. Antaranya ialah *Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*,⁴⁷ Abū `Abd Allāh b. `Abd al-Raḥmān al-Damshīq al-Uthmān al-Shāfi`ī,⁴⁸ Sa`īd Ibrāhīm,⁴⁹ `Abd al-Raḥman al-Baghdādī⁵⁰ dan Sulaiman Ghaush.⁵¹ Secara umumnya, lafaz '*al-laḥm*' merangkumi daging babi dan keseluruhan anggota tubuh badannya adalah haram secara *qat`ī*. Ulama secara majoritinya mengharamkan penggunaan babi ke atas manusia. Tetapi, terdapat segelintir ulama menyatakan babi suci ketika hidup dan najis semasa mati. Babi digunakan secara meluas di dalam industri makanan, minuman, perubatan, kegunaan harian dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Islam mengharamkan babi

⁴⁵ Shihāb al-Dīn Abī al-`Abbās Aḥmad b. Muḥammad b. Muḥammad b. `Alī b. Hajar al-Ḥaytamī (t.t), *Tuḥfah al-Muḥtāj bi Sharḥ al-Minhāj*. j.1, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.

⁴⁶ Muḥammad b. Ṣāliḥ al-Uthaymin (t.t), *al-Fatāwā al-Muḥimmah*. (T.P): Maktabah Nūr al-Hudā.

⁴⁷ Wizārah al-Awqāt wa al-Āsiyyūn (2007), *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*. j.10, c.4. Beirut: al-Islāmiyyah.

⁴⁸ Abū `Abd Allāh b. `Abd al-Raḥmān al-Damshīq al-Uthmān al-Shāfi`ī (1967), *Raḥmat al-Ummah fī Ikhtilāfi al-Ummah*, c.2. Khulafā': Maktabah wa Muṭbi'ah Muṣṭafā al-bābī al-Ḥalabī wa Awlādihi.

⁴⁹ Sa`īd Ibrāhīm (2000), *al-Fiqh al-Waqīh `alā Madhhab Imām al-Shāfi`ī*. Kuala Lumpur: Dār al-Ma`rifah.

⁵⁰ Abdurrahman Al-Baghdadi (1994), *Khinzir*, (T.P): Al-Ramadhan.

⁵¹ Sulaiman Ghaush (1994), *Hukum Hakam Khinzir*. (T.P): Al-Ramadhan.

secara mutlak disebabkan pengambilan makanan yang kotor dan menjijikkan. Malah, kajian saintifik telah membuktikan bahawa di dalam daging babi terdapat virus-virus yang akan menjangkiti manusia melalui pengambilan makanan sehingga boleh menjadi punca penyebab kematian manusia. Perkara ini membuktikan pengambilan daging dan bahagian-bahagiannya yang lain memudaratkan seiring dengan pernyataan hukum haram di dalam al-Quran.

Penulis turut mengkaji penulisan `Abd Allāh b. Muḥammad b. `Alī Sharāf al-Dīn Abū Muḥammad al-Fahri al-Miṣr,⁵² Ibn Qudāmah al-Ḥanbalī,⁵³ Ibrāhīm Muḥammad Maḥmūd al-Harīrī,⁵⁴ Muṣṭafā b. Karāmah Allāh Makhdūm,⁵⁵ Aḥmad Ibn Muḥammad al-Zarqā'⁵⁶ dan Qadhdhāfī `Izzāt Ghanānīm.⁵⁷ Penulis telah merujuk buku-buku Arab terutamanya yang membincangkan kaedah-kaedah usul fiqh seperti dalil *qat'ī* yang melibatkan al-Quran, sunnah, ijmak dan *qiyās*. Manakala, dalil *istidlāl* seperti *al-istiṣlāh*, *`urf*, *al-istiḥsān*, *sadd al-dharī'ah* dan sebagainya dijadikan sumber rujukan utama dalam menginstinbatkan hukum penggunaan *bone china*.

Hasil penelitian penulis mendapati, analisis hukum *bone china* yang bersandarkan dalil-dalil *qat'ī* seperti al-Quran, membincangkan pengharaman babi di dalam surah al-Baqārah ayat ke 173, surah al-Māidah ayat ke 3, surah al-An'ām ayat ke

⁵² `Abd Allāh b. Muḥammad b. `Alī Sharaf al-Dīn Abū Muḥammad al-Fahri (t.p), *Sharḥ al-Mu`allim fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: `Alim al-Kutub.

⁵³ Ibn Qudāmah (1999), *Mudhakkarah Uṣūl al-Fiqh `alā Rawḍah al-Nāzir*. Miṣr: Dār al-Yaqīn.

⁵⁴ Ibrāhīm Muḥammad Maḥmūd al-Harīrī (1998), *al-Madkhal al-Qawā'id al-Fiqhiyyah al-Kulliyah*. Jordān: Dār al-`Ammār.

⁵⁵ Muṣṭafā b. Karāmah Allāh Makhdūm (1999), *Qawā'id al-Wasā'il fī Sharī'ah al-Islāmiyyah*. Riyādh: Dār Ishbaylayā.

⁵⁶ Aḥmad b. Muḥammad al-Zarqā' (1938), *Sharḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Dimashq: Dār al-Qalam.

⁵⁷ Qadhdhāfī `Izzāt Ghanānīm (2008), *al-Istiḥālāh wa Aḥkāmuhā fī al-Fiqh al-Islami*. Jordan: Dār al-Nafāis li al-Nashr wa Tawzī'.

145 dan surah an-Nahl ayat ke 115. Manakala, sunnah di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* menjelaskan proses penyamakan akan menyucikan kulit bangkai haiwan dan pengharaman menggunakan bejana emas dan perak sama ada golongan lelaki ataupun perempuan. Pendekatan ijmak pula mengupas beberapa ijmak muslimin terhadap sembelihan, bejana, dan kenajisan babi dan bangkai. Selain itu, analisis hukum *bone china* menggunakan dalil-dalil *istidlāl* seperti *maqāṣid al-syarī'ah*, *al-istiṣhāb*, kaedah *al-iḥtiyāt*, kaedah *istiḥālah*, kaedah-kaedah fiqh (*qawā'id al-fiqhiyyah*) dan beberapa fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia.

Berdasarkan pengamatan penulis terhadap kajian literatur yang telah dijalankan, kajian terhadap sejarah perkembangan *bone china* dan proses-proses yang terlibat dalam penghasilan *bone china* telah dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu, akan tetapi kajian tersebut hanya dibincangkan secara ringkas dalam subtopik kecil, malah data-data yang dipersembahkan tidak tersusun rapi. Sebaliknya, dalam kajian ini penulis mengumpulkan data-data sejarah perkembangan *bone china* secara terperinci. Bahkan, proses-proses pembuatan *bone china* pula diterangkan secara berperingkat-peringkat mengikut tertib susunan, serta peralatan-peralatan utama yang digunakan semasa pembuatan *bone china* dijelaskan dengan baik.

Penulis juga mendapati bahawa kajian-kajian terdahulu masih belum menyentuh hukum penggunaan *bone china* dalam fiqh klasik mahupun kontemporari. Lantaran itu, penulis telah menggariskan asas-asas penentuan hukum *bone china* mengikut kerangka metodologi hukum Islam. Selain itu, kajian ini juga menganalisis proses-proses utama yang terlibat dalam penghasilan *bone china* dan mengaitkannya dengan teori hukum

Islam. Bahkan, penulis turut menganalisis isu-isu hukum penggunaan *bone china* dalam kalangan masyarakat Islam.

1.8 Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan ‘aset’ penting dalam penulisan ilmiah yang merupakan penentuan metode-metode yang digunakan oleh penulis dalam kajian penyelidikan. Penulis telah menggunakan dua metodologi yang utama dalam kajian penyelidikannya sebagai usaha yang praktikal untuk menyempurnakan kajian ini. Metode-metode tersebut ialah metode pengumpulan data dan metode analisis data.

1.8.1 Metode Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data yang digunakan oleh penulis dalam kajian ini menggunakan dua kajian utama iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan:

1.8.1.1 Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan mengandungi metode dokumentasi dan metode historiografi. Huraian terperinci seperti berikut:

a) Metode Dokumentasi

Penulis telah memilih metode dokumentasi bagi mendapatkan data-data yang diperlukan dalam kajian penyelidikan ini. Pemilihan data-data yang prioriti adalah berdasarkan sumber-sumber yang berautoriti iaitu sumber utama (*primary resource*) dan sumber sekunder (*secondary resource*). Antara sumber utama adalah *Bidāyah al-*

Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid, al-Umm, al-Kāfī fī Fiqh al-Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal, al-Shāfi'ī fī Sharḥ Musnad al-Shāfi'ī, al-Uddah Sharḥ al-Uddah fī Fiqh Imām al-Sunnah Aḥmad Ibn Ḥanbal al-Shaybānī, Majmū' Sharḥ Muḥadhdhab dan Jamī' al-Fiqh. Manakala, sumber kedua pula adalah *Pottery Analysis A Sourcebook, The Complete Book Of Pottery Making, The Technique Of Pottery, The Technology Of Glass And Ceramics, Straits Chinese Porcelain, The Thames And Hudson Manual Of Pottery And Ceramic, al-Madkhal al-Qawā'id al-Fiqhiyyah al-Kulliyyah, Qawā'id al-Wasā'il fī Sharī'ah al-Islāmiyyah* dan sebagainya. Selain itu, penulis turut melakukan penyelidikan dengan menggunakan bahan-bahan literatur seperti jurnal Syariah, ensiklopedia, kamus, kertas-kertas seminar dan sebagainya. Antaranya ialah *Insiklopedia Dunia, The Concise Encyclopedia Of English Pottery And Porcelain, An Illustrated Dictionary Of Ceramics* dan *Dictionary Of Ceramics*. Bahan-bahan ini digunakan dalam bab ketiga dan bab keempat.

Metode perpustakaan juga digunakan untuk mendapatkan data-data kajian di dalam bab pertama, bab kedua, bab ketiga dan bab keempat. Penulis melakukan rujukan di Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Nilam Puri, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Teknologi Mara, Perpustakaan Islam Kuala Lumpur dan Perpustakaan Negeri Kelantan. Selain itu, penulis juga merujuk laman web yang berautoriti sebagai salah satu metode pencarian dalam kajian ini. Metode ini digunakan untuk mencari fatwa-fatwa yang berkaitan dengan *bone china* di dalam laman web Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

b) Metode Historis

Metode historis digunakan untuk mengumpulkan data-data secara sistematis dan menilai data-data secara objektif terhadap peristiwa yang telah berlaku pada masa lepas.⁵⁸ Pengumpulan data kajian sejarah ini diperolehi daripada kajian literatur yang dilakukan oleh penulis. Maklumat-maklumat ini diambil daripada sumber rujukan buku-buku yang menghuraikan sejarah perkembangan porselin di negara China dan Eropah. Berdasarkan pengkajian penulis, sejarah perkembangan *bone china* bermula di England setelah terjalinnya hubungan perdagangan antara negara China dan Eropah. Syarikat-syarikat pembuatan porselin di Eropah telah melakukan pelbagai eksperimen bagi menghasilkan porselin terbaik seperti porselin dari negara China, dan akhirnya mereka berjaya menemui campuran terbaik bagi menghasilkan *bone china*. Metode ini digunakan di dalam bab kedua.

1.8.1.2 Kajian Lapangan

Kajian lapangan mengandungi metode temubual dan metode observasi. Huraian terperinci seperti berikut:

a) Metode Temu Bual

Metode temu bual merupakan salah satu kaedah mengumpul maklumat yang utama dalam kajian ini. Temu bual adalah perbualan dua hala atau interaksi bersemuka antara penemu bual (*interviewee*) dan orang yang menemu bual (*interviewer*).⁵⁹ Hal ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat kajian secara lisan dari responden. Dalam

⁵⁸ Chua Yan Piaw (2006), *op.cit*, h. 172.

⁵⁹ *Ibid.*, h. 114.

kajian ini, penulis menggunakan teknik temubual semi-struktur yang mana penulis telah menyediakan soalan formal sebelum sesi temu bual dijalankan. Namun demikian, penulis turut menyoal lebih mendalam tentang jawapan yang diberikan oleh responden. Metodologi ini digunakan dalam penulisan bab kedua dan keempat. Beberapa kaedah temu bual semi-struktur dijalankan oleh penulis, iaitu penulis memilih responden yang berkeelayakan dan mengadakan temu janji dengan responden, soalan-soalan disediakan secara formal dan terancang menggunakan pita rakaman dan buku catatan. Kemudian, ia dipindahkan dalam bentuk penulisan. Antara penemu bual (*interviewee*) yang dipilih adalah:

1. Prof. Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid
Timbalan Dekan di Institut Pemikiran dan Ketamadunan Islam Antarabangsa (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
2. Prof. Madya Datin Dr. Paizah Ismail
Jabatan Undang-undang
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
3. Prof. Madya Dr. Anisah Ab. Ghani
Jabatan Fiqh dan Usul
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
4. Dr. Che Wan Jasimah Mohd. Radzi
Pensyarah Kanan Jabatan Sains dan Teknologi
Fakulti Sains, Universiti Malaya
5. Ustaz Nurhelmi Haji Ikhsan
Pegawai Hal Ehwal Islam
Jabatan Agama Islam Selangor, Selangor

6. Encik Dzul kifli Mat Hashim
Ketua Makmal Produk Dan Proses Inovasi
Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia

7. Hajah Masyitah Haji Husin
Penasihat Pemasaran
Vantage, Petaling Jaya

8. Melvin Meow
Perunding Pemasaran
Mantrade Trading, Kuala Lumpur

b) Metode Observasi

Metode observasi merupakan proses pemerhatian dan pangamatan penulis secara terancang terhadap sesuatu subjek penyelidikan. Penulis telah menggunakan metode ini semasa membuat tinjauan di pasar raya terkemuka seperti Jusco di Mid Valley dan SOGO di Kuala Lumpur. Selain itu, penulis turut melakukan observasi di syarikat khusus yang menjual barangan porselin seperti Vantage di Petaling Jaya dan Great Eastern di Jelatek. Tinjauan secara sistematik turut dilakukan di Muzium Seni Asia di Universiti Malaya, dan Muzium Negara di Kuala Lumpur. Metode ini digunakan bertujuan untuk melakukan tinjauan harga bagi setiap set *bone china* di pasaran. Kaedah ini digunakan bertujuan mengenalpasti peringkat golongan pembeli yang meminati barangan porselin dan mengetahui tujuan pembelian di samping melihat koleksi-koleksi sejarah perdagangan seramik dari negara-negara luar. Metodologi observasi digunakan di dalam bab kedua dan keempat.

1.8.2 Metode Analisis Data

Kajian ini menggunakan dua pendekatan yang utama dalam metode analisis data iaitu metode induktif dan metode deduktif.

1.8.2.1 Metode Induktif

Metode induktif merupakan proses penghuraian yang membawa kepada pencapaian sesuatu kesimpulan hukum daripada fakta-fakta atau maklumat-maklumat yang bersifat khusus kepada suatu kesimpulan yang umum.⁶⁰ Metode ini juga dikenali sebagai kaedah *istiqrā'* dalam prinsip ilmu usul fiqh. Penulis memperolehi maklumat-maklumat dan data-data *bone china* daripada penelitian yang terperinci melalui kajian perpustakaan. Buku-buku yang menghuraikan *bone china* hanya terdapat di dalam bahagian tertentu dan dinyatakan secara ringkas. Seterusnya, maklumat-maklumat yang khusus terhadap *bone china* dikumpulkan, dianalisis dan dirumuskan secara umum untuk memberikan kefahaman dan penjelasan kepada masyarakat Islam terhadap isu kepenggunaan barangan Islam.

1.8.2.2 Metode Deduktif

Metode deduktif merupakan proses membuat kesimpulan atau rumusan berdasarkan maklumat-maklumat dan fakta-fakta yang diperolehi secara khusus.⁶¹ Data-data yang diperolehi kemudian dikumpulkan dan dianalisis serta dibuat rumusan dan kesimpulan. Kajian penyelidikan ini memfokuskan kepada kerangka metodologi fiqh yang menggunakan metode usul fiqh dan kaedah-kaedah fiqh dalam menjawab segala

⁶⁰ Noresah Baharom (2004), *Kamus Dewan*. ed. 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 490.

⁶¹ *Ibid.*, h. 282.

persoalan terhadap hukum *bone china*. Maklumat-maklumat berkenaan *bone china* dikumpulkan dan dianalisis menggunakan metodologi usul fiqh dan *al-qawā'id al-fiqhiyyah* semasa proses menginstinbatkan hukum terhadap penggunaannya serta dirumuskan secara khusus. Metode deduktif digunakan oleh penulis dalam bab ketiga, keempat dan kelima.

1.9 Penutup

Secara umumnya, kajian penyelidikan ini memfokuskan analisis hukum terhadap penggunaan *bone china*. Kajian ini akan mendefinisikan *bone china* dan menjelaskan proses-proses pembuatan *bone china* secara terperinci. Seterusnya, penulis mengkaji metodologi hukum yang digunakan dalam mentadbiqkan hukum *bone china* melalui kerangka usul fiqh, fiqh dan kaedah-kaedah fiqh. Sehubungan itu juga, penulis menganalisis isu-isu yang timbul berkaitan *bone china* dan perbahasannya menurut perpektif Islam.